(NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN)
*(MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE)*

**NMPM 15/1999**

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3686616 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my
http://www.marine.gov.my

# FUNGSI KECEMASAN, KESELAMATAN PEKERJAAN, PENJAGAAN KESIHATAN DAN MENYELAMAT.
# *EMERGENCY, OCCUPATIONAL SAFETY, MEDICAL CARE AND SURVIVAL FUNCTIONS.*

**Pemakluman kepada Pemilik Kapal, Nakhoda, Pegawai Dek dan Jurutera dan Kelasi kapal-kapal Malaysia, institusi latihan maritim dan mereka yang terlibat dengan latihan maritim.**
*Notice to Shipowners, Masters, Deck and Engineer Officers and Ratings of Malaysian ships, maritime training institutions and those concerned with maritime training.*

1. **Pengenalan**

i. Nota Maklumat dan Panduan Marin ini memberi panduan berhubung dengan pemakaian Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999. Kaedah-kaedah ini melaksanakan sebahagian dari keperluan "International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers, 1978, as amended in 1995 (STCW 95)" di Malaysia.

2. **FUNGSI KECEMASAN, KESELAMATAN PEKERJAAN, PENJAGAAN PERUBATAN DAN MENYELAMAT**

i Nota ini memberi panduan mengenai latihan asas dan latihan keselamatan lanjutan mandatori yang diperlukan di bawah Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dan STCW 95 bagi nakhoda, pegawai, kelasi dan lain-lain orang yang bertugas di atas kapal.

ii. Maklumat lanjut mengenai standard latihan terdapat di dalam Penerbitan Jabatan bertajuk “Standard Kekompetenan Bagi Nakhoda, Pegawai dan Kelasi” atau di dalam Bahagian VI (Peraturan VI) STCW 95 dan Kod STCW yang mengiring.

*1. Introduction*

*1. This Marine Information and Guidance Note (MIGN) gives guidance regarding the application of the Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999. These Rules implement in Malaysia some of the requirements of the International Convention on Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers, 1978, as amended in 1995 (STCW 95).*

***2. EMERGENCY, OCCUPATIONAL SAFETY, MEDICAL CARE AND SURVIVAL FUNCTIONS***

*i. This Note gives guidance on the mandatory basic and further safety training required under Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999 and STCW 95 by masters, officers, ratings and other persons employed on ships.*

*ii. Detailed information on standards of training is given in the Departmental Publication entitled “Standards of Competence of Masters, Officers and Ratings” or in Chapter VI (Regulation VI) of STCW 95 and its accompanying STCW Code.*

iii. Calon yang telah berjaya menyempurnakan mana-mana program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang dijelaskan di bawah, hendaklah diberikan perakuan oleh institusi latihan mengikut format yang seperti di Lampiran 1. Institusi latihan hendaklah menyenggara rekod-rekod yang berkaitan dengan pengeluaran perakuan-perakuan ini.

*iii. Candidates successfully completing any of the Marine Department-approved training programmes described below, should be issued by the training institution with a certificate in the format given in Annex 1. The training institution should maintain records relating to the issue of these certificates.*

3. **Latihan asas**

i. Semua nakhoda, pegawai dan kelasi yang bertugas di mana-mana peringkat di atas kapal sebagai sebahagian dari kakitangan kapal hendaklah, sebelum diberikan sesuatu tugas di atas kapal, menerima latihan asas bersesuaian dengan fungsi tugas keselamatan dan pencegahan pencemaran yang diberikan seperti yang diperlukan oleh Kaedah 34, Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999.

ii. Latihan yang bersesuaian yang ditentukan di bahagian I Standard Kekompetenan bagi Nakhoda, Pegawai dan Kelasi termasuk perkara-perkara berikut:

.1 teknik menyelamatkan diri;
.2 mengelakkan dan melawan kebakaran;
.3 pertolongan cemas asas; dan
.4 keselamatan peribadi dan tanggunjawab sosial.

*3. Basic Training*

*i. All masters, officers and seamen employed or engaged in any capacity on board ship as part of the ship's complement shall, before being assigned to any shipboard duties, receive basic training appropriate to their designated safety or pollution prevention functions as required by Rule 34 of the Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999.*

*ii. The appropriate training as set out in part I of the Standards of Competence of Masters, Officers and Ratings includes the following:*

*.1 personal survival techniques;*
*.2 fire prevention and fire fighting;*
*.3 elementary first aid; and*
*.4 personal safety and social responsibilities.*

4. **Kecekapan atau profisiensi dalam Lancang Penyelamat dan Bot Menyelamat (ESCRB)**

i. Semua calon untuk perakuan kekompetenan (bahagian dek dan enjin) dan lain-lain orang yang diperlukan untuk menjalankan tugas-tugas melibatkan lancang penyelamat adalah diperlukan untuk menunjukan kecekapan atau profisiensi dalam operasi lancang penyelamat dan bot menyelamat. Calon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun, mempunyai sekurang-kurangnya 6 bulan perkhidmatan laut dan telah berjaya menyempurnakan program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang menepati standard seperti yang ditentukan di dalam "Standard Kekompetenan" atau di dalam Kod A-VI/2-1 STCW.

*4. Efficiency or proficiency in Survival Craft and Rescue Boats (ESCRB)*

*i. All candidates for certificates of competency, (both deck and engine departments) and any other persons required to undertake duties involving survival craft are required to prove efficiency or proficiency in survival craft and rescue boat operations. Candidates must be at least 18 years old, have performed at least 6 months sea-service and have successfully completed an Marine Department-approved training programme meeting the standards laid down in the "Standard of Competence" or in STCW Code A-VI/2-1.*

ii. Orang yang terlibat dengan operasi bot penyelamat laju mestilah, tambahan kepada latihan ESCRB di atas, hendaklah telah berjaya menyempurnakan program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang menepati standard seperti yang ditentukan di dalam "Standard Kekompetenan" atau di dalam Kod A-VI/2-2 STCW.

5. **Melawan Kebakaran Lanjutan**

i. Semua calon untuk perakuan kekompetenan (bahagian dek dan enjin) dan lain-lain orang yang diperlukan untuk menjalankan tugas melibatkan kawalan operasi melawan kebakaran mestilah telah menerima latihan khusus dalam teknik-teknik melawan kebakaran lanjutan. Calon hendaklah telah menyempurnakan sekurang-kurangnya 6 bulan perkhidmatan laut dan telah berjaya menyempurnakan program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang menepati standard seperti yang ditentukan di dalam "Standard Kekompetenan" atau di dalam Kod A-VI/3 STCW.

6. **Latihan Perubatan**

i. **Pertolongan Cemas Perubatan** – semua calon untuk perakuan kekompetenan dan semua pelaut yang dikenalpasti untuk memberi pertolongan cemas perubatan mestilah telah berjaya menyempurnakan program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang menepati standard yang ditentukan di dalam "Standard Kekompetenan" atau di dalam Kod A-VI/4-1 STCW.

ii. **Penjagaan Perubatan** – semua calon untuk perakuan nakhoda dan ketua mualim di peringkat pengurusan, dan lain-lain orang yang dikenalpasti untuk memberikan penjagaan perubatan di atas kapal, mestilah sebagai tambahan kepada latihan pertolongan cemas perubatan di atas, telah berjaya menyempurnakan program latihan penjagaan perubatan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang menepati standard yang ditentukan di dalam "Standard Kekompetenan" atau di dalam Kod A-VI/4-2 STCW.

*ii. Persons involved in the operation of fast rescue boats must, in addition to the ESCRB training above, have successfully completed a Marine Department-approved training programme meeting the standards laid down in the "Standards of Competence" or in STCW Code A-VI/2-2.*

*5. Advanced Fire Fighting*

*i. All candidates for certificates of competency (both deck and engine department) and any other persons required to undertake duties involving the control of fire fighting operations must receive specialist training in advanced fire fighting techniques. Candidates must have performed at least 6 months sea service and have successfully completed a Marine Department-approved training programme meeting the standards laid down in the "Standards of Competence" or in STCW Code A-VI/3.*

*6. Medical training*

*i. Medical First Aid - all candidates for certificates of competency and all seafarers designated to provide medical first aid must have successfully completed a Marine Department-approved training programme meeting the standards laid down in the "Standards of Competence" or in STCW Code A-VI/4-1.*

*ii. Medical Care - all candidates for master and chief mate certification at management level, and any person designated to take charge of medical care on board ship, must in addition to the above medical first aid training, have successfully completed a Marine Department-approved medical care training programme meeting the standards laid down in the "Standards of Competence" or in the STCW Code A-VI/4-2.*

*7. Marine Evacuation System Training*

7. **Latihan Sistem Pengungsian Marin**

i. Nakhoda, pegawai dan kelasi yang diberikan tugas untuk melancarkan sistem pengungsian marin (MES) perlu dilatih mengikut keperluan Peraturan III/19.3.3.8 di dalam pindaan "Safety of Life at Sea (SOLAS) Convention 1994", yang telah berkuatkuasa pada 1 Julai 1998. Bukti dokumen untuk tujuan ini hendaklah dikeluarkan oleh institusi latihan.

8. **Peraturan-peraturan peralihan**

i. Jadual berikut menunjukkan latihan sediada yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang boleh dipertimbangkan sebagai menepati keperluan STCW 95 semasa tempoh peralihan sehingga 31 Januari 2002.

*i. Masters, officers and ratings with designated duties on the deployment of marine evacuation systems (MES) are required to be trained in accordance with the requirements of Regulation III/19.3.3.8 of the revised Safety of Life at Sea (SOLAS) Convention 1994, which came into force on 1 July 1998. Documentary evidence to this effect should be issued by the training institution.*

*8. Transitional Arrangements*

*i. The following table sets out the existing Marine Department-approved training which will be considered as meeting the STCW 95 requirements during the transitional period until 31 January 2002.*

| **NMPM rujukan perenggan**<br><br>*MIGN para ref* | **Latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut yang diperlukan untuk perakuan STCW 95**<br>*Marine Department-approved training required for STCW 95 certification* | **Latihan setara sediada yang boleh diterima sehingga 31 Januari 2002**<br><br>*Existing equivalent training acceptable until 31 January 2002* |
|---|---|---|
| 3.ii.1 | **Teknik Menyelamatkan Diri**<br>*Personal Survival Techniques* | **Menyelamat Di laut Asas**<br>*Basic Sea Survival* |
| 3.ii.2 | **Mengelak dan Melawan Kebakaran**<br>*Fire Prevention and Fire Fighting* | **Melawan Kebakaran Asas**<br>*Basic Fire Fighting* |
| 3.ii.3 | **Pertolongan Cemas Asas**<br>*Elementary First Aid* | **Pertolongan Cemas Di Laut**<br>*First Aid At Sea* |
| 4.i | **Kecekapan di dalam Lancang Penyelamat dan Bot Penyelamat (ESCRB)**<br>*Efficiency in Survival Craft and Rescue Boats (ESCRB)* | **Profisiensi di dalam Lancang Penyelamat (atau yang setara)**<br><br>*Proficiency in Survival Craft (or equivalent)* |
| 5.i | **Teknik Melawan Kebakaran Lanjutan**<br>Advanced Fire Fighting Techniques | **Melawan Kebakaran Lanjutan**<br><br>*Advanced Fire Fighting* |
| 6.i | **Pertolongan Cemas Perubatan**<br>*Medical First Aid* | **Pertolongan Cemas Di Laut**<br>*First Aid At Sea* |
| 6.ii | **Penjagaan Perubatan**<br>*Medical Care* | **Perubatan nakhoda Kapal**<br>*Ship Captain's Medical* |

**Ketua Pengarah Laut** (*Director General of Marine)*

Tarikh: 02 Disember 1999

**Lampiran 1** (*Annex 1*)

**[CONTOH] PERAKUAN UNTUK LATIHAN MARIN KHUSUS**
*[SPECIMEN] CERTIFICATE FOR SPECIALISED MARINE TRAINING*
**(untuk dikeluarkan dan didaftarkan oleh Institusi Latihan Marin yang mengeluarkan)**
*(to be produced and registered by the the Issuing Training Institution)*

**No.[Ditentukan oleh Institusi latihan yang mengeluarkan]**
*No.[Issuing Training Institution to allocate]*

**Institusi latihan pengeluar**
*Issuing Training Institution*

**Alamat dan Maklumat Perhubungan**
*Address and Contact Details*

**Tel:**
**Fax:**
**E-mail:**

## NAMA PERAKUAN [kaitkan dengan STCW 95]
## *TITLE OF CERTIFICATE* *[to relate exactly to STCW 95]*

**Dengan ini diperakukan bahawa** ______________________________________________
*This is to certify that* **[Nama penuh calon]***[full name of candidate]*

**No. Pendaftaran Pelaut** ___________________________
*Seaman Registration No.*

**Tarikh lahir** __________________________
*Date of Birth*

**No. Buku Pendaftaran Pelaut atau pengenalan nasional lain** ____________________________________
*Discharge Book No* or other national ID

**telah berjaya menyempurnakan program latihan yang diluluskan oleh Jabatan Laut, menepati Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Latihan dan Perakuan) 1999 dan keperluan-keperluan seperti di dalam:**
*has successfully completed a programme of training approved by the Marine Department, meeting the Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999 and the requirements laid down in:*

*STCW 95* **[Peraturan (***Regulation)***] [Rujukan Kod** (*Code ref*) **] [perenggan** (*paragraph*)**]**

**dan telah memenuhi kriteria tambahan yang ditentukan di dalam STCW Convention, yang berkaitan dengan pengeluaran perakuan.**
*and has also met the additional criteria specified in the STCW Convention, applicable to the issue of the certificate.*

**Perakuan ini dikeluarkan dengan kuasa Pengarah Laut, Jabatan Laut, Malaysia iaitu agensi eksekutif Kementerian Pengangkutan, Malaysia.**
*This Certificate is issued under the authority of the Director of Marine, Marine Department, Malaysia, an executive agency of the Ministry of Transport, Malaysia.*

**Tandatangan Pengetua / Wakil yang berkuasa**
*Signature of Principal / Authorised Representative*

**Institusi Latihan pengeluar (Cop dan Tarikh)**
*Issuing Training Institution (Stamp and Date)*

**Pertanyaan mengenai perakuan hendaklah ditujukan ke Institusi Latihan pengeluar di alamat di atas.**
*Inquiries concerning this certificate should be addressed to the Issuing Training Institution at the address above.*